

Headline	Usahawan PKS kena patuh syarat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Jul 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	345 cm ²
Journalist	NORAWAZNI YUSOF	AdValue	RM 5,885
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,655



Usahawan PKS kena patuh syarat

**Sekiranya ingin
dapat
kemudahan
disediakan**

NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) jika ingin mendapat kemudahan diperlukan.

Pegawai Industri Asas Tani (IAT) Fama, Md Riduan Sirun berkata, usahawan perlu memiliki sijil halal, sijil bersih, selamat dan sihat (BeSS) dan sijil makanan selamat tang-

gungjawab industri (MeSTI). Katanya, usahawan yang memiliki semua sijil perakuan layak menerima bantuan peralatan, sokongan pinjaman kewangan dan khidmat nasihat pegawai Fama yang memantau perniagaan diusahakan.

"Tahun lalu seramai 10 usahawan PKS seluruh negara berpeluang mempromosikan produk keluaran mereka di peringkat antarabangsa di China, Dubai, Singapura, Brunei dan Hong Kong.

"Peluang promosi di luar negara memberi peluang usahawan melebarkan pasaran produk mereka tanpa perlu mengeluarkan modal banyak," katanya selepas melawat kilang PJ Food Industries di Indera Mahkota, semalam.

Jelasnya, setiap tahun beberapa usahawan terpilih akan diberi peluang mempromosikan produk mereka se-



Md Riduan (kiri) melihat produk keluaran kilang PJ Food Industries di Indera Mahkota pada program lawatan ke kilang usahawan perusahaan kecil dan sederhana di Pahang.

cara percuma pada program jualan PKS anjuran agensi kerajaan dan swasta dalam serta luar negara.

Md Riduan berkata, kebanyakannya mereka diberi peluang mempromosikan produk secara percuma diluar negara terdiri daripada pengeluar

makanan ringan selain hasil pertanian disejukbekukan.

Dalam perkembangan itu, beliau memaklumkan, pihaknya sentiasa berusaha menambah usahawan PKS yang menghasilkan pelbagai produk makanan ringan kerana sambutan masyarakat luar

negara terhadap produk negara ini begitu menggalakkan.

Tambahnya, sebagai contoh, produk muruku sejenis makanan ringan jenama Yama yang dikeluarkan usahawan wanita di Maran kini berjaya menembusi pasaran

Singapura, China dan Brunei.

"Kita akan bantu mempromosikan produk keluaran PJ Food Industries jenama Puteri Ayu yang terkenal dengan menghasilkan pelbagai jenis rempah opor, tepung goreng ayam dan sup untuk pasaran seluruh negara termasuk membekalkan kepada Tabung Haji," katanya.

Sementara itu, usahawan makanan ringan jenama Yama Siti Nora Mohamad Noor berkata, Fama banyak membantu aktiviti mempromosikan produknya di pasaran tempatan dan antarabangsa sejak lebih lima tahun lalu.

"Setiap tahun saya diberi peluang ke luar negara mengikuti rombongan usahawan bimbingan Fama dan produk saya berpeluang menembusi pasaran China, Emiriah Arab Bersatu, Singapura dan Indonesia," katanya.